

AHAD • 29.04.2018

sukan@utusan.com.my

# SUKAN


**LIGA SUPER**
**KEPUTUSAN**

 KELANTAN  
PAHANG  
SELANGOR

 1 JDT 2  
2 MELAKA UTD 0  
2 N.SEMBILAN 1

**LIGA PERDANA**
**KEPUTUSAN**

 UKM  
P.PINANG

 3 MIFA 3  
2 SABAH 1

Jun Hoong, Pandelela hadiahkan emas pertama Malaysia Siri Terjun Dunia

## Sejarah terpahat lagi

Oleh FADHILUL IZMEL ISHAK  
sukan@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 28 APRIL

**K**EPERCAYAAN tinggi antara satu sama lain menjadi kunci buat Cheong Jun Hoong dan Pandelela Rinong memahat sejarah merangkul pingat emas 10 meter platform seirama wanita dalam Siri Terjun Dunia di Montreal, Kanada hari ini.

Jun Hoong-Pandelela muncul penerjun pertama negara memenangi gelaran dalam Siri Terjun Dunia dengan melakar kejutan terbesar pada pusingan ketiga saingan.

Lebih manis lagi, kejayaan hadir hanya dua minggu selepas mereka merangkul pingat emas acara yang sama dalam Sukan Komanwel di Gold Coast.

Menenangi emas dalam Siri Dunia adalah jauh lebih sukar berbanding Sukan Komanwel kerana hanya lapan pasangan terbaik dunia layak bertanding sejak kejohanan diperkenalkan pada 2007, malah ia turut menampilkan penerjun handalan China.

“Sejak 2010, ini adalah emas pertama saya dalam kejohanan Siri Dunia.

“Saya amat bersyukur, dan apa yang membuatkan kami berada pada kedudukan hari ini adalah kerana kami mempercayai antara satu sama lain,” kata Pandelela yang di-

petik dalam laman web rasmi Persetuan Renang Antara bangsa (FINA).

Gandingan Jun Hoong-Pandelela berdepan saingan sengit daripada pencabar mereka sebelum dinobat sebagai juara dengan mengumpul 322.74 mata daripada lima terjunan.

Pasangan Korea Utara, Kim Mi Rae-Kim Kuk Hyang membawa pulang perak selepas mengutip 321.90 mata, manakala gangsa menjadi milik China, Si Yajie-Lin Shan dengan 320.82 mata.

“Terima kasih kepada jurulatih Zhang Yukun kerana meningkatkan kami,” kata Pandelela lagi.

Jun Hoong-Pandelela sebelum ini turut meraih perak dalam pusingan pertama di Beijing, sebelum menenangi gangsa di Fuji, Jepun bulan lalu.

Siri Terjun Dunia menampilkan tiga empat pusingan dengan pusingan terakhir akan berlangsung di Kazan, Rusia dari 4-6 Mei ini.

Jun Hoong, 28, yang juga juara dunia 10m platform wanita akan turun dalam saingan individu bersama Pandelela, 25, pada awal pagi Isnin waktu Malaysia.

### PENCAPAIAN

**2016**

➤ Pingat Perak Sukan Olimpik Rio.

**2017**

➤ Pingat Gangsa Kejohanan Akuatik Dunia.

**2018**

➤ Pingat Emas Pusingan Ketiga Siri Terjun Dunia.

➤ Pingat Emas Sukan Komanwel & Pingat Perak Pusingan Pertama Siri Terjun Dunia.

➤ Pingat Gangsa Pusingan Kedua Siri Terjun Dunia.

